

EK

MALAYSIA TERPAKSA MENERIMA KEDUDUKAN HARGA BARANGAN: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 APRIL (BE BERNAMA)-- MALAYSIA HENDAKLAH MENERIMA KENYATAAN BAHAWA PENGGANTUNGAN KEPADA BARANGAN-BARANGAN, TIDAK KIRA BAGAIMANA SEKALIPUN DIPELBAGAIKAN, ADALAH TIDAK MEMADAI. KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, NEGARA HENDAKLAH MEMIKIRKAN LAIN-LAIN CARA BAEI MENCAPAI PERTUMBUHAN DAN KESTABILAN EKONOMI.

MERASMIKAN SEMINAR EMPAT HARI MENGENAI BARANGAN-BARANGAN UTAMA DI SINI, KATANYA PELBAGAIAN YANG DILAKUKAN MALAYSIA TERHADAP KOMODITI-KOMODITI UTAMA TIDAK MENYELAMATKAN NEGARA INI KETIKA KEADAAN HARGA-HARGA SEMUA BARANGAN DI SELURUH DUNIA JATUH SEKARANG.

"KITA HARUSLAH MENGAKUI REALITI KEADAAN: BAHAWA PENGGANTUNGAN KE ATAS KOMODITI-KOMODITI, WALAU DIPELBAGAIKAN DENGAN BAGAIMANA CARA SEKALIPUN, ADALAH TIDAK MENCUKUPI," KATANYA.

KATANYA, APA YANG NEGARA KINI MENGALAMI BUKANLAH PERUBAHAN-PERUBAHAN MENGIKUT PUTARAN BIASA YANG SELALU DIKAITKAN DENGAN DAGANGAN BARANGAN. IANYA BUKAN KEJADIAN BIASA YANG BERLAKU DI MANA BEKALAN MELEBIHI PERMINTAAN ATAU JUGA SEBALIKNYA PERMINTAAN MELEBIHI PENAWARAN.

DAGANGAN BARANGAN KINI MENGALAMI PERUBAHAN ASAS YANG LEBIH, SATU PERUBAHAN DALAM BENTUK STRUKTUR, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI SAMPING APA YANG BERLAKU KINI BERIKUTAN DARI + PERCUBAAN YANG GOPOH KITA LAKUKAN UNTUK CUBA MEMBAWA KETENTERAMAN DI PASARAN BARANGAN."

"KITA TELAH MENGADAKAN BERBAGAI PERJANJIAN BARANGAN DAN STOK PENIMBAL BAGI MENENTANG PERUBAHAN-PERUBAHAN PUTARAN HARGA.

"KOSNYA ADALAH TINGGI. TETAPI KEJAYAANNYA AGAK TERHAD," KATANYA.

KATANYA, KEJAYAAN BUKAN SEBENARNYA KERANA PERJANJIAN DAN STOK PENIMBAL. IANYA BERGANTUNG LEBIH KEPADA KOS PENGELUARAN ATAU SIFAT KEKURANGAN SUMBER-SUMBER ATAU KEADAAN LUARBIASA.

KATANYA, BAHAWA BEBERAPA NEGARA ENGGAN MENGALAH UNTUK MENYERTAI PERJANJIAN BARANGAN ANTARABANGSA SEMENTARA BEBERAPA ANGGOTA LAIN HANYA BUAT TIDAK TAHU TERHADAP PERJANJIAN ITU BILA DIKEMUKA KEPADA MEREKA.

PERJANJIAN BARANGAN ANTARABANGSA MEMPUNYAI BANYAK KELEMAHAN KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA UJIAN BAGI PERJANJIAN ITU TIBA BILA PENAWARAN MELEBIHI PERMINTAAN.

KATANYA, HARGA-HARGA TINGGI YANG DIKEKALKAN OLEH PERJANJIAN ITU MENGALAKKAN KEPADA PENGELUARAN LEBIH BESAR OLEH PARA PENGELUAR KOS RENDAH.

"PENGURUS STOK PENIMBAL MESTI MEMBELI BAGI MENGHALANG KEJATUHAN HARGA. APA SEBENARNYA BERLAKU IALAH BAHAWA PARA PENGELUAR BARANGAN MENGELUAR DAN MENJUAL DI KALANGAN MEREKA SENDIRI PADA ASASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA MEREKA TIDAK MENGELUARKANNYA, MAKA PARA PENGELUAR HARAM ATAU BUKAN ANGGOTA PERJANJIAN ITU AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN DAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL DAYA USAHA BAGI MENGADAKAN SEMINAR KERANA TERDAPAT KEPERLUAN SEGERA UNTUK MEMAHAMI DAGANGAN KOMODITI DAN MASALAH YANG DIHADAPINYA DI MASA KEMAJUAN PESAT DAN TEKNOLOGINYA, PERBUBUNGAN SEGERA, PASARAN YANG TIDAK STABIL DAN SPEKULASI SECARA BESAR-BESARAN.

PERDANA MENTERI BERKATA TEKNOLOGI JUGA BERTANGGUNGJAWAB BAGI KEKURANGAN KEGUNAAN BARANGAN TERTENTU DAN UNTUK Mencari GANTIANNYA.

BILA TEKNOLOGI-TEKNOLOGI BARU INI BERHASIL, AKAN TERDAPAT KEMEROSOTAN PASARAN BAGI BARANGAN BERKENAAN.

TIMAH KINI KURANG DIGUNAKAN KERANA TEKNOLOGI BARU MENGURANGKAN JUMLAH TIMAH YANG DIPERLUKAN SEMENTARA BAHAN-BAHAN GANTIAN SEPERTI KACA, KERTAS, PLASTIK DAN ALUMINIUM MENGANTIKAN TIMAH DALAM INDUSTRI PEMBUNGUAN.

DENGAN KEKURANGAN PENGGUNAAN TIMAH, SEJUMLAH BESAR BAHAN-BAHAN BARU ITU DITEMUI PULA DAN MENYEBABKAN HARGA TIMAH JATUH, KATANYA.--LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMASARAN IALAH SATU LAGI MASALAH KERANA HANYA SEBAHAGIAN KECIL DARIPADA BARANGAN-BARANGAN ITU BOLEH DIGUNAKAN DI NEGARA PENGELUAR DAN YANG LAIN MESTILAH DIJUAL KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU YANG KAYA.

SECARA TRADISINALNYA, MEREKA YANG KAYA MENGUASAI PASARAN YANG MANA JUGA TERLETAK DI NEGARA-NEGARA MEREKA.

KATANYA, PASARAN DAN PARA SPEKULATOR TIDAK MENGAMBIL BERAT TERHADAP NASIB NEGARA-NEGARA PENGELUAR KERANA MINAT MEREKA HANYA UNTUK MEMPEROLEHI WANG BANYAK BAGI DIRI SENDIRI DAN SECEPAT MUNGKIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA MALAYSIA TELAH TERPAKSA TERUS MENERUS MENURUNKAN KOS BARANGANNYA UNTUK KEKAL DALAM PERNIAGAAN

DALAM BANYAK KEADAAN KERANA KEUNTUNGAN ADALAH TINGGI, TUMPUAN YANG SEDIKIT TELAH DIBERIKAN KEPADA KECEKAPAN DAN DAYA PENGELUARAN.
--BE BERNAMA